

Surat khabar: Berita Harian (Sarawak)

Hari/Tarikh: 19/5/2013

Muka surat: 13

Tajuk : 60 Pelajar UNIMAS Berkayak.

# 60 pejalat UNIMAS berkayak

**Telaga Air:** Seramai 60 pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menyertai cabaran kayak bermula dari Esplanade Telaga Air hingga ke Pulau Satang Besar yang mengambil masa kira-kira tiga jam.

Pengarah Program Ekspedisi, Ahmad Irfan Mohd Fadzil, berkata program dua hari itu bertujuan melatih peserta dari segi teori dan praktikal kayak.

Katanya, majoriti peserta adalah pelajar yang pertama kali menyertai aktiviti kayak bagi melengkapkan kursus kokurikulum mereka.

“Peserta bergilir menggunakan 12 kayak dua tempat duduk dan 13 kayak solo bagi melakukan kayuhan di kawasan perairan berdekatan Sematan itu.

“Selepas menamatkan kayuhan ke Pulau Satang Besar, kami bermalam di pulau selain menjalankan beberapa aktiviti dalam kumpulan termasuk usaha mencari penyu bertelur kerana kawasan itu terkenal sebagai lokasi penyu bertelur,” katanya ketika ditemui semalam.

Majlis pelepasan peserta disempurnakan Timbalan Dekan Pusat Pemajuan Pelajar UNIMAS, Prof Madya Dr Siti Raudzah Ghazali. Turut hadir, Ketua Kampung Telaga Air, Sapuan Oya.

Terdahulu dalam ucapannya, Siti Raudzah berkata, semua peserta dari kokurikulum bercredit kayak kumpulan tujuh termasuk 10 wakil dari Kelab Kayak UNIMAS memulakan latihan mereka secara intensif sejak tiga minggu lalu.

Beliau berkata, penyertaan pelajar daripada pelbagai kaum itu jelas menunjukkan semangat kerjasama antara mereka.